

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan capaian internet dengan kelajuan tinggi di Sabah akan tersebar luas terutama dengan penggunaan fibre optic dan bilakah Sabah akan mendapat lebih banyak spektrum supaya lebih banyak saluran radio boleh diwujudkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara sekaligus mengurangkan perbezaan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar termasuk di Sabah.

2. Manakala bagi Negeri Sabah, pihak Kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif penyediaan perkhidmatan selular awam yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada. Sehingga kini, sebanyak 472 menara komunikasi baharu telah siap dibina manakala 71 menara masih dalam peringkat pelaksanaan di Sabah dan dijangka siap pada suku pertama 2021. Selain itu, sebanyak 1,163 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada telah dinaik taraf manakala 5 stesen pemancar masih dalam peringkat pelaksanaan di Sabah dan dijangka siap pada suku ke-empat 2020.

3. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara. Lebih daripada 48 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 41 ibu sawat di Sabah, manakala 924 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2020.

4. Menerusi inisiatif penyediaan perkhidmatan selular awam juga, sekurang-kurangnya 115 menara baharu akan dibina di Sabah yang merangkumi pembinaan menara komunikasi dengan perkhidmatan jalur lebar yang masih dalam peringkat perancangan di Sabah.

SOALAN NO : 25

5. Selain dari itu, sebanyak 10 stesen pemancar 4G baharu serta 266 penaiktarafan telah dilaksanakan secara komersial oleh pihak Pemberi Perkhidmatan di Sabah yang telah siap dan beroperasi pada tahun 2020.
6. Tambahan lagi, sebanyak 13,792 premis di Sabah akan disediakan dengan capaian sehingga 500Mbps melalui inisiatif peluasan rangkaian gentian optik talian tetap. Di samping itu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap, inisiatif penaiktarafan perkhidmatan berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik akan dilaksanakan dan sebanyak 43,879 pelanggan di Sabah akan dinaik taraf dalam tempoh 2 tahun ini.
7. Pada masa yang sama, Kementerian sedang mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri melalui Makmal Infrastruktur Digital Negara (Makmal) yang bermula dari 13 Julai sehingga 14 Ogos 2020 yang diterajui oleh SKMM untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara bagi memastikan semua kawasan yang berpenduduk mendapat liputan yang secukupnya.
8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, suatu kajian perancangan semula jalur frekuensi 87.5 MHz sehingga 108 MHz untuk perkhidmatan penyiaran radio FM sedang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan dijangka akan selesai pada suku keempat tahun 2020. Pelaksanaan perancangan semula spektrum termasuk kemungkinan penambahan saluran untuk perkhidmatan penyiaran radio FM adalah tertakluk kepada hasil kajian tersebut.